



Profil Cendekiawan Islam

ZULKIPLE ABD. GHANI
MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI
MUHAMMAD YUSUF KHALID
ROSLIZAWATI MOHD RAMLY



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



*Profil Cendekiawan
Islam*

ABDULLAH
MURDILANI
YUSUF KHAUD
SAID RAMLY



Penerbit
Dewan Bahasa dan Pustaka
Jalan Raja Chulan
50450 Kuala Lumpur

Profil Cendekiawan Islam

ZULKIPLE ABD. GHANI
MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI
MUHAMMAD YUSUF KHALID
ROSLIZAWATI MOHD RAMLY



Penerbit
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2011

CETAKAN PERTAMA 2009
CETAKAN KEDUA 2011
© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Penerbit USIM
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel:06-798 8226/6081 Faks:06-798 6083
www.usim.edu.my
pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak oleh:
Affa Trend Publication
No. 5-2, Jalan BPP 5/3, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor
03-8941 6939

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Profil cendekiawan Islam / Zulkiple Abd. Ghani ... [et al.]

(Siri menjana cedekiawan Islam)

ISBN 978-967-5295-33-1

1. Scholars, Muslim--Biography. I. Zulkiple Abd. Ghani. I. Judul. II. Siri.
922.97

Profil Cendekiawan Islam

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIREH	vii
PENDAHULUAN	ix
BAHAGIAN SATU: GENIUS FALSAFAH	1
Ibn Ishaq Al-Kindi	2
Al-Farabi	3
Al-Ghazali	4
Syeikh Abdul Qadir Al-Jilani	6
Ismail Al-Faruqi	9
Ahmad Deedat	12
Profesor Dr Syed Muhammad Naquib Al-Attas	14
BAHAGIAN DUA: GENIUS MATEMATIK	17
Al-Khawarizmi	18
Omar Khayyam	19
Abu Rayhan Al-Biruni	20
Syeikh Abdullah Fahim	23
BAHAGIAN TIGA: GENIUS KESUSASTERAAN DAN KEMASYARAKATAN	27
Al-Jahiz	28
Ibn Khaldun	29
Harun Yahya	31
Tok Kenali	35
Al-Marbawi	38
BAHAGIAN EMPAT: GENIUS SAINS	45
Jabir Ibn Hayyan	47
Al-Razi	49
Ibn Haytham	50
Ibn Sina	51
RUJUKAN	53

Sekapur Sireh

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya Akademi PERMATA Insan telah berjaya menerbitkan buku Menjana Cendekiawan Islam bersempena dengan Majlis Pelancaran Program PERMATA Insan.

Saya merasa amat terharu melihat perkembangan program PERMATA. Bermula dengan program PERMATA Negara yang memberikan fokus kepada kanak-kanak di bawah umur 4 tahun, program PERMATA telah mengorak langkah dengan melancarkan program PERMATA Pintar khusus untuk membangunkan potensi kanak-kanak yang pintar, cerdas dan berbakat dalam bidang akademik. Hasil kejayaan melaksanakan program PERMATA Pintar, program PERMATA Seni telah diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak yang berbakat dalam bidang seni membangunkan potensi mereka. Ini telah memberikan inspirasi kepada saya untuk melahirkan program PERMATA Insan ini. Program ini merupakan sebahagian daripada program PERMATA dengan penumpuan kepada para pelajar pintar, cerdas dan berbakat yang mempunyai kecenderungan dan kebolehan yang tinggi dalam bidang pengajian Islam.

Program PERMATA Insan ini adalah satu program yang begitu istimewa di hati saya kerana ianya dirangka khusus untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak di negara kita untuk dibangunkan potensi mereka secara optimum bagi mencapai hasrat untuk melahirkan Cendekiawan Islam yang ulung. Insya-Allah akan lahir lah seorang Ibn Sina, Ibn Khaldun, Al-Ghazali dan Al-Khawarizmi dari Malaysia suatu hari nanti.

Saya amat berbangga kerana buku Menjana Cendekiawan Islam ini merupakan hasil idea dan pencernaan kreativiti para penulis yang terdiri daripada para akademik di Universiti Sains Islam Malaysia. Kandungan buku ini digarap dengan begitu baik bagi mencerminkan konsep keseluruhan program PERMATA Insan yang menekankan penguasaan dalam bidang Al-Quran dan Al-Sunnah, Pembangunan Insan, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Besarlah harapan saya untuk melihat bakal sarjana dan teknokrat Islam pada masa akan datang merupakan mereka yang terdidik daripada program PERMATA ini, Insya-Allah.

Indah sulaman selendang sutera
Dipakai oleh gadis jelita
Anak-anak modal insan negara
Digilap awal tinggi nilainya

Buaian digantung di tepi titi
Anak bermain berhati-hati
PERMATA Insan program murni
Menjana Cendekiawan Islam sejati

Setinggi penghargaan dan sekalung tahniah saya rakamkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia, kepada semua penulis dan mereka yang telah memberikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan buku Menjana Cendekiawan Islam ini.

Sekian, terima kasih, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATIN PADUKA SERI ROSMAH MANSOR

Isteri Y.A.B Perdana Menteri ,

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja Dasar Permata Negara

Pendahuluan

Cendekiawan Islam lahir dalam persekitaran ilmiah yang subur terhasil melalui pemahaman terhadap maksud 'iqra'. *Iqra'* yang bermaksud "bacalah" merujuk kepada wahyu pertamayang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW. Melalui proses *iqra'*, terhasillah ilmu pengetahuan yang menjadi sumber kepada pembinaan sesebuah tamadun. Perkataan "ilmu" atau yang berasaskan dari akar kata perkataan tersebut difirman oleh Allah di dalam al-Quran kira-kira 791 tempat menjadikan ia perkataan keempat terbanyak di dalam al-Quran selepas perkataan Allah, Iman dan Rabb. Ilmu menghubungkan manusia dengan Allah kerana "*Sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah Allah) dari kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang-orang yang berilmu*" (al-Quran, 35: 28).

Ilmu (*knowledge*) adalah konotasi yang merujuk kepada keyakinan berasaskan pemahaman yang jitu dan bersifat *ihkam* (tepat) dan ia berlawanan dengan konotasi *zann* (ragu-ragu) yang mengandungi elemen "jangkaan", "tekaan", "spekulasi", "kebarangkalian" atau "hampir tepat". Ini ditegaskan oleh Allah maksudnya: "*Padahal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu, mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata*" (al-Quran 45: 24). Ilmu perlu dihubungkan dengan Allah kerana Allah adalah sumber kepada ilmu pengetahuan dan Allah lah yang menganugerahkannya kepada manusia. Berdasarkan pengalaman sejarah, manusia telah memanfaatkan anugerah akal dengan melakukan pelbagai aktiviti taakulan (*reasoning*), memastikan akal bekerja untuk menghasilkan ilmu pengetahuan dan dengannya manusia membina tamadun kehidupan generasi demi generasi. Tamadun kemanusiaan yang terhasil ada ketikanya telah melalui tahap yang tinggi sehingga menimbulkan suasana seolah-olah ada keajaiban pada ciptaan-ciptaan tertentu pada pandangan sebahagian manusia kini. Contohnya seperti tamadun yang pernah dibina oleh Firaun. Namun, oleh kerana sifat 'lupa' yang ada pada manusia, antaranya beralih dari menyembah Allah kepada menyembah sesama manusia, akhirnya tamadun tinggi yang telah dibina dimusnahkan oleh Allah dan dipertontonkan kepada manusia kini sebagai peninggalan yang sepatutnya diambil pengajaran.

Justeru, manusia atau insan yang pintar (genius) sering kali didefinisikan sebagai seseorang, atau hasil kerja atau pencapaian individu yang melebihi tahap cemerlang. Hasil yang ditonjolkan berasaskan keupayaan berfikir (*intelligence*), kreativiti atau genius mempunyai kuasa transformasi sehingga selalunya hasil tersebut mempunyai tahap pencapaian yang melebihi piawai tertinggi dalam sesuatu bidang serta diiktiraf sebagai “menakutkan”. Genius atau pintar pada pandangan Islam tidak boleh terlepas dari ikatan *ta’abudiyah* (mengabdikan) diri kepada Allah sebagai Pencipta kerana kemuncak tertinggi hasil dari kerja akal ialah mengenal diri dan mengenal Allah. Kerana itu istilah “*gifted*” atau “*talented*” merujuk kepada persoalan siapa sebenarnya yang memberi atau menganugerahkan bakat? Oleh kerana ia tidak datang sendiri, ia sudah tentu merujuk kepada kuasa tertinggi iaitu yang dimiliki oleh Allah yang turut “*memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi*” (al-Quran 2:255). Cendekiawan Muslim terhasil dalam persekitaran yang mengabdikan diri kepada Allah. Ilmu dan kepintaran yang dianugerahkan (*gifted*) kepada mereka telah dinikmati bukan sahaja oleh generasi zaman mereka, tetapi turut dikecapi nikmatnya oleh generasi kita kini. Misalnya, al-Khawarizmi (m. 840M) yang hidup pada zaman pemerintahan Khalifah al-Ma’mun (813-833M) ialah orang pertama yang mencipta huruf sifar (0) sehingga membolehkan kita menikmati teknologi berkaitan dengan komputer, astronomi dan pelbagai bentuk ilmu lain yang terhasil dari penemuan tersebut.

Ilmu pengetahuan yang diteroka adalah asasnya bersumberkan ilmu *naqli* iaitu yang diwahyukan (al-Quran dan al-Sunnah) dan kemudian dikembangkan melalui pelbagai aktiviti antaranya aktiviti penyelidikan dan *tatbiqi* (eksperimental). Antara institusi yang terkenal dalam sejarah Islam yang mengumpulkan dan mengembangkan bakat para genius Muslim ialah *Baitul Hikmah*. Ia dinamakan *Baitul Hikmah* dan bukannya “*Baitul Ilmu*” kerana tahap tertinggi hierarki ilmu dalam Islam ialah *hikmah* (*wisdom*). “*Hikmah*” seperti yang difirmankan oleh Allah maksudnya: “*Diberi anugerah hikmah kepada sesiapa yang Dia kehendaki, dan barang siapa yang dianugerahi hikmah maka sesungguhnya dia telah mendapat kebaikan yang banyak*” (al-Quran, al-Baqarah: 269).

Buku ini yang menghimpunkan profil Islam dibahagikan kepada empat bahagian iaitu cendekiawan yang dianugerahkan kepintaran dalam bidang falsafah, matematik, kesusasteraan dan sains tabii. Pembahagian ini dilakukan oleh penulis untuk memudahkan perbincangan dan tumpuan tanpa mengabaikan fakta-fakta bahawa terdapat cendekiawan Islam di peringkat awal menguasai pelbagai kebijaksanaan seperti Ibn Sina yang menguasai ilmu perubatan, matematik, falsafah, politik dan logik. Semoga penghasilan buku ini dapat memberi suluhan yang menerangkan jalan untuk melahirkan kembali tokoh-tokoh genius Muslim seperti Ibn Sina dan al-Ghazali yang baharu, yang menyumbang keilmuan dan kepintaran mereka kepada kesejahteraan

dunia. Biarpun jasad mereka telah kembali menemui Allah lebih seribu tahun, namun hasil-hasil kerja akal mereka terus ditekuni oleh pelbagai bangsa dan agama seperti kata pepatah Melayu “tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas”.

Semoga usaha kecil ini mendapat rahmat dari Allah dan menyumbang kepada khazanah ilmu yang menyokong usaha melahirkan genius Muslim melalui projek Permata Insan oleh USIM.

Salam Hormat,
PARA PENULIS

Rujukan

Abdullah Muhammad Zin. 2002. *Abd Qadir Al-Jilani: His Method Of Islamic Da'wah Mission*. Kuala Lumpur: KUIM

Farid Mat Zain et al. *Prosiding Dakwah Ulama Nusantara III*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Hakim Zainal et. al. 2000. *Prosiding Seminar Ketokohan Cendekiawan Islam*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan tamadun Islam.

Mahasin Saja. 2010. *Ulama dan Kewartawanan: Kajian Terhadap Tok Kenali*. (Tesis Master Tidak Diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Muhammad Abdul Rauf. 1994. *The Muslim Mind*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Muhammad Yusuf bin Ahmad" *Ulama' Nusantara..* 20 Feb 2010. <http://ms.wikipedia.org/wiki/Muhammad_Yusuf_bin_Ahmad>

Samsu Adabi Mamat dan Wan Ramli Wan Muhamad, 2002. *Cendekiawan Islam Perintis Peradaban Manusia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Shaharir Mohamad Zain et. al , 1985. *Pengenalan Tamadun Islam dalam Sains dan Teknologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shafi'I Ibrahim. 1993. "Tok Kenali". *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Ed. Ismail Mat. Bangi: Penerbit UKM.

Wan Daud. Wan Mohd Nor, 1998, *The Educational Philosophy and Practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas, An Exposition of the Original Concept of Islamization..* Kuala Lumpur, ISTAC.



Profil Cendekiawan Islam

Buku ini menghimpunkan tokoh-tokoh cendekiawan Islam dalam empat kategori genius iaitu genius Falsafah, Matematik, Kesusasteraan dan Sains. Mereka menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber asas bagi menggali pelbagai pengetahuan baru. Ilmu-ilmu yang dijana khususnya melalui penyelidikan meliputi pelbagai bidang kehidupan seperti falsafah, matematik, sains, kesusasteraan dan sebagainya. Menguasai al-Quran sejak kecil, mereka belajar melalui pendidikan formal dan tidak formal khususnya berdasarkan sistem tutor sehingga dapat menggilap potensi menjadi cendekiawan terbilang dan mendahului zaman. Buku ini boleh menjadi panduan kepada para pembaca khususnya ibu bapa dan anak-anak yang ingin menggilap potensi menjadi insan terbilang. Semoga kehadiran buku ini sedikit sebanyak menjadi bahan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

PENULIS-PENULIS

ZULKIPLE ABD. GHANI, (Ph.D.) Profesor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang kepakaran beliau ialah dalam komunikasi, media dan kepimpinan Islam.

MOHD. RUSHDAN MOHD JAILANI, (Ph.D.) Dekan dan Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang kepakaran beliau ialah tasawuf dan pemikiran Islam.

MUHAMMAD YUSUF KHALID, (Ph.D) Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang kepakaran beliau ialah dalam kepimpinan Islam dan tasawuf.

ROSLIZAWATI MOHD. RAMLY, Pensyarah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang kepakaran beliau ialah dalam metodologi dakwah dan perbandingan agama.

ISBN 978-967-5295-33-



9 789675 295331